

Kerajaan siar surat Mahathir, Lee, Goh

Kandungan boleh dibaca dalam portal berita Bernama

KUALA LUMPUR: Kerajaan semalam menyiarkan kandungan penuh surat-menyurat antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan dua bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dan Goh Chok Tong berhubung cadangan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

Salinan empat surat itu, dua yang ditandatangani Dr Mahathir dan dua lagi oleh Goh, kini dapat dibaca dalam portal berita Bernama, www.bernama.com di bawah tajuk *Correspondence between Tun Dr Mahathir and former Singapore Prime Ministers*.

Kelmarin, kerajaan menarik balik klasifikasi rahsia pada dokumen itu bagi menangkis dakwaan

Dr Mahathir berhubung keputusannya pada 12 April untuk membatalkan projek berkenaan.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa antara lain Kerajaan Singapura bersetuju dengan cadangan Malaysia membina sebuah jambatan bengkok, kononnya jambatan itu bukan sebahagian daripada pakej bagi menyelesaikan isu tertunggak, dan Malaysia menawarkan penjualan pasir dan penggunaan ruang udaranya kepada jet pejuang Singapura untuk dirunding.

Dalam satu kenyataan kelmarin, Jabatan Perdana Menteri berkata, tindakan itu adalah kali kedua dalam sejarah negara dokumen yang diklasifikasi mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) disiarkan kepada

umum, bagi menjelaskan kedudukan sebenar dan membolehkan rakyat faham mengenai keputusan kerajaan membatalkan projek itu.

Katanya, rundingan berhubung perbincangan dengan Singapura mengenai isu ruang udara bukannya baru dan tidak dicituskan kerajaan sekarang pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir selaku Perdana Menteri ketika itu memasukkan isu itu sebagai satu pertukaran dan sebagai sebahagian pakej isu untuk diselesaikan bersama Singapura dalam rundingan dari 1998 ke 2002.

Ini terkandung dalam surat Dr Mahathir kepada Lee selaku Menteri Kanan pada 4 Mac 2002, dan isu

yang sama dibangkitkan Goh pada 1 Mac 2005.

Ini menolak dakwaan Dr Mahathir kononnya pentadbiran sekarang yang menawarkan ruang udara kepada pesawat Tentera Udara Singapura.

Penjualan pasir kepada Singapura dibangkitkan republik itu dalam pertemuan antara Abdullah dan Goh pada 1 Mac 2005, sekaligus menolak tanggapan yang kerajaan menjadikan isu itu untuk dirundingkan.

Kandungan surat yang disiarkan semalam menunjukkan, dalam sepucuk surat kepada Goh bertarikh 7 Oktober 2002, Dr Mahathir

LIHAT MUKA 2

Keputusan dibuat berdasar sentimen

DARI MUKA 1

secara bersendirian menamatkan rundingan yang berdasarkan pakej dengan Singapura, dengan berkata, Malaysia sudah pun membuat keputusan untuk memberikan keutamaan tertinggi untuk menyelesaikan dulu isu air yang sudah lama tertangguh.

Dalam jawapannya pada 14 Oktober, Goh memberitahu Dr Mahathir bahawa oleh kerana beliau mahu menangani isu air secara berasingan dan mahu menghentikan pendekatan secara pakej itu, pertukaran ini tidak lagi mungkin dapat dicapai.

"Oleh kerana rundingan secara pakej ini sudah ditamatkan, saya mengarahkan pegawai saya menangani isu air dan isu lain secara tersendiri dan berasingan, berdasarkan merit masing-masing dan tidak lagi sebagai satu pakej," kata Goh dalam surat itu.

Kenyataan Jabatan Perdana Menteri itu juga berkata, Pejabat Peguam Negara sudah menasihatkan supaya Malaysia tidak meneruskan tindakan membina sendiri jambatan itu tanpa mematuhi kehendak undang-undang.

Halangan utama terhadap pembinaan jambatan bengkok membabitkan tindakan meroboh Tambak Johor di bahagian Malaysia dan ini akan memberi kesan secara langsung kepada paip air milik Lembaga Perbekalan Awam (PUB) Singapura.

Berdasarkan Perjanjian Air Johor-Singapura 1961 dan 1962, Malaysia perlu mendapatkan kelulusan PUB berhubung sebarang perubahan kepada paip air itu akibat daripada pembinaan jambatan.

Kerajaan sudah menjelaskan bahawa keputusannya adalah keputusan politik, berdasarkan sentimen, kedaulatan dan integriti rakyat Malaysia, kata kenyataan itu. - Bernama